

**TEKS UCAPAN
MAJLIS PERASMIAN
PESTA KAAMATAN SABAH
PERINGKAT IPTA DAN IPTS KALI KE-9
(4 ogos 2010)**

Masa: 10.00am-11.00am

Tempat: DKP 1

(TEMA " 1 MALAYSIA MELAMBANGKAN 1 BUDAYA")

Bismillahir Rahmanir Rahim

Asalamualaikum WBT, Selamat Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Terima kasih kepada pengacara majlis,

Yang berusaha, Profesor Madya Dr Haji Kasim Haji Md. Mansur, Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.

Yang berusaha, Encik Darwis Awang,

Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Sabah.

Yang berusaha, Encik Alan James,

Pegawai penyelaras Pesta kaamatan Sabah Peringkat IPTA/IPTS kali ke-9.

Yang Dikasihi, Jijiy Bin Domin

Ketua pengarah Pesta kaamatan Sabah Peringkat IPTA/IPTS kali ke-9.

Mahasiswa dan Mahasiswi,

Tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin sekalian,

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izin, limpah dan kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berkumpul di Dewan Kuliah Perdana Satu pada pagi yang indah ini untuk menyaksikan Majlis Perasmian Pesta Kaamatan Sabah Peringkat IPTA dan IPTS kali ke-9 tahun 2010.

Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan selamat datang kepada tuan-tuan dan puan-puan yang hadir sekaligus memeriahkan lagi program kebudayaan suku kaum Kadazandusun yang sememangnya menjadi antara tumpuan para pelajar bukan sahaja

di kalalangan siswa siswi UMS tetapi juga pelajar dari IPTA dan IPTS di seluruh negeri ini.

Para hadirin sekalian,

Pesta Kaamatan Sabah peringkat IPTA dan IPTS ini merupakan acara tahunan UMS yang kini penganjurannya memasuki kali yang ke-9. Semenjak permulaan penganjurannya, penyertaan di kalangan pelajar sememangnya mendapat sambutan yang menggalakkan. Ini telah menyuntik semangat mahasiswa dan mahasiswi UMS untuk menganjurkan program ini dari tahun ke tahun dengan penuh komitmen tanpa mengenal erti putus asa.

“1Malaysia Melambangkan 1Budaya” merupakan tema yang dipilih oleh pihak universiti pada tahun ini. Tema ini dilihat amat bertepatan dengan konsep **1Malaysia** yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang kita sanjungi. Tema ini ternyata jelas menjurus kepada perpaduan dan kerjasama antara pelbagai kaum kerana warga kampus UMS bukan sahaja dapat berkumpul bersama-sama malah ianya juga sekaligus memastikan adat budaya tradisional warisan turun temurun terus terpelihara. Amalan ini perlu terus dijadikan sebagai budaya dalam kalangan rakyat Malaysia yang sememangnya terkenal dengan suasana kehidupan yang harmoni dalam pelbagai lapisan masyarakat majmuk.

Saya percaya, mungkin masih terdapat di antara kita yang hadir pada pagi ini yang masih kurang arif dengan perayaan Pesta Kaamatan ini. Sebagai makluman hadirin dan hadirat sekalian, Pesta Kaamatan ini merupakan perayaan yang disambut oleh Kaum Bumiputra Sabah dari suku kaum Kadazandusun. Pesta Kaamatan atau di dalam bahasa Kadazan "Magavau" merupakan upacara perayaan khas untuk menghormati "Bambazon" iaitu semangat padi. Perayaan ini adalah amalan secara tradisi Kaum Kadazandusun sejak zaman-berzaman yang biasanya diadakan selepas selesai musim menuai padi. Selain itu, Pesta Kaamatan juga merupakan tanda kesyukuran dalam mengharapkan agar rezeki yang akan datang bertambah baik dan

lumayan. Pada masa kini, perayaan ini turut diisi dengan pelbagai acara kebudayaan pertandingan termasuklah Unduk Ngadau dan pertandingan nyanyian Sugandoi.

Para hadirin sekalian,

Pesta Kaamatan merupakan landasan yang baik untuk mendedahkan kesenian dan kebudayaan Kaum Bumiputera Sabah kepada para mahasiswa dan mahasiswi mahupun hadirin dan hadirat yang berasal dari luar Sabah. Suda pasti melalui aktiviti-aktiviti kebudayaan seumpama ini sekaligus membolehkan para pelajar UMS lebih memahami budaya tempatan di negeri ini. Selain itu, landasan ini juga mampu memupuk perpaduan dan persefahaman yang kukuh. Sememangnya, perpaduan yang kuat di kalangan rakyat adalah kunci ke arah menjadikan negara kita ini menjadi sebuah negara makmur dan harmoni yang disegani mata dunia. Kita harus berbangga dan bersyukur atas kejayaan yang dicapai oleh negara Malaysia yang kita cintai.

Selain itu, seperti yang saya katakan tadi, penganjuran Pesta Kaamatan ini juga akan mengekalkan dan memelihara kebudayaan Kaum Bumiputera Sabah agar tidak hilang ditelan dek zaman. Sesungguhnya, warisan kebudayaan merupakan aset yang amat penting bagi sesuatu kaum. Sekiranya warisan sesuatu kaum hilang, maka hilanglah identiti kaum tersebut. Oleh yang demikian, setiap orang khususnya golongan generasi muda harus mengambil tahu tentang kebudayaan kaum sendiri. Dengan ini, setiap amalan budaya tradisional akan terus kekal menjadi warisan kepada generasi akan datang.

Para hadirin sekalian,

Mewarisi tradisi kaum kita bukan bermakna kita bersifat kolot atau berfikiran lama, malah kita perlu bangga dengan kebudayaan kaum sendiri dan memeliharanya sampai ke generasi yang seterusnya. Dalam Pesta Kaamatan, selain penglibatan diri dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan, pelajar-pelajar juga harus menghayati nilai-nilai yang terdapat dalam penganjurannya. Sebagai contoh, Kesyukuran merupakan simbolik

kepada pesta ini. Oleh itu, pelajar boleh mengambil iktibar dengan sentiasa bersyukur dengan apa yang dimiliki sekarang dan terus berusaha untuk meningkatkan pencapaian yang lebih memberangsangkan dari semasa ke semasa. Saya percaya, dengan adanya sikap seumpama ini, ia dapat membantu pelajar mempertingkatkan mutu sebagai mahasiswa dan mahasiswi yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh ahli jawatankuasa yang terlibat bagi memastikan Pesta Kaamatan Sabah peringkat IPTA dan IPTS berjalan dengan lancar. Semoga dengan berlangsungnya Majlis Pesta Kaamatan ini akan mengukuhkan lagi semangat perpaduan dan semangat cintakan amalan budaya tradisional di kalangan para pelajar dan warga UMS secara keseluruhannya.

Dengan lafaz Bismislahir Rahmanir Rahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Pesta Kaamatan peringkat Sabah IPTA dan IPTS kali ke-9 2010.

Sekian, Asslamualaikum w.b.t.